

FITRAH

(Ini adalah produk takaful)

Tiba masanya untuk melindungi matlamat hidup anda



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Prudential BSN Takaful Berhad
200601020898 (740651-H)
Ahli PIDM

Gambar sekadar ilustrasi.
Tertakluk pada terma dan syarat.

A man with dark hair, wearing a dark blue textured sweater over a light pink collared shirt and light-colored trousers, stands by a large window. He is looking out the window with a thoughtful expression while holding a black smartphone in both hands. The window has dark frames and looks out onto a blurred outdoor scene.

Gunakan kesempatan yang ada ketika masih muda agar anda dapat menceritakan pengalaman setelah berusia kelak.

Bila anda telah bersedia, anda mampu menjalani kehidupan anda tanpa sebarang halangan.

Namun, adakah anda sedar akan realitinya kini?



Bagi yang berstatus bujang, mereka memerlukan RM2,500¹ sebulan untuk menampung perbelanjaan mereka, namun ini tidak termasuk pelan Takaful.



Satu daripada empat rakyat Malaysia berisiko menghidap kanser sebelum mencecah usia 75 tahun².

Jika anda disahkan menghidap Penyakit Kritikal, mampukah anda menampung kos rawatan? Adakah anda mempunyai simpanan yang mencukupi?



Satu keluarga yang mempunyai dua orang anak memerlukan RM6,620 sebulan untuk menanggung perbelanjaan keluarga dan ini tidak termasuk keperluan kecemasan apabila sesuatu yang tidak diingini berlaku kepada ketua keluarga³.



57% daripada 411 ibu bapa di Malaysia di dalam satu kaji selidik telah membuat pinjaman untuk membiayai pendidikan universiti anak mereka, walaupun mempunyai simpanan sendiri⁴.

Jika anda mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) dan tidak berupaya untuk menjana pendapatan, siapakah yang akan menanggung keluarga anda?

¹ <http://www.kwsp.gov.my/portal/en/about-epf/belanjawanku>

² <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/04/03/about-100000-malaysians-suffer-from-cancer-each-year/>

³ <http://www.kwsp.gov.my/portal/en/about-epf/belanjawanku>

⁴ <https://www.nst.com.my/news/2017/03/223461/how-much-would-it-cost-pursue-higher-education-malaysia>

Memperkenalkan **BSN Fitrah**,
pelan perlindungan pertama yang
memberi penyelesaian untuk
memenuhi keperluan anda.



**Cara terbaik untuk
menzahirkan kasih sayang
adalah dengan mendekati
dan melindungi ahli
keluarga anda.**

Adakah anda mampu untuk bersama mereka
sepanjang hayat anda? Apakah yang akan
terjadi pada mereka bila anda sudah tiada?

BSN Fitrah adalah penyelesaian yang anda perlukan untuk melengkapkan persediaan matlamat hidup anda.



FLEKSIBEL

Kami memahami keutamaan anda. **BSN Fitrah** menyediakan pelbagai pilihan tempoh perlindungan kepada anda. Anda diberi pilihan untuk menyumbang selama 5, 10, 20 tahun atau sehingga umur tamat tempoh pada 70 atau 100 tahun.



BOLEH DIUBAHSUAI

BSN Fitrah tidak hanya menyediakan perlindungan di atas kematian dan TPD, di mana anda mempunyai pilihan untuk mengubahsuai perlindungan anda berdasarkan keperluan anda. Misalnya 43 Penyakit Kritikal, perlindungan kemalangan, elaun hospital dan banyak lagi perlindungan penting daripada senarai pilihan rider.



BONUS

Kanak-kanak suka dimanjakan dan diberi dorongan. Apabila anda melanggan **BSN Fitrah** untuk anak anda, mereka akan diganjar dengan Bonus EduAchieve di atas kecemerlangan pencapaian akademik seperti berikut:

PEPERIKSAAN	AMAUN BONUS (RM)	SYARAT MINIMA
UPSR	500	Semua A
PT3	1,000	
SPM	1,500	
STPM / STAM / GCE	1,500	
A Level	1,500	3A
International Baccalaureate	1,500	42 mata
Diploma / Ijazah	2,000	Kepujian Kelas Pertama atau CGPA 3.5



POTENSI PULANGAN YANG LEBIH TINGGI

Anda memperoleh lebih daripada sekadar perlindungan apabila anda melanggan **BSN Fitrah** dengan Takaful Saver kerana kami memberi peluang untuk anda melabur dalam dana tempatan dan juga global.



MEMENUHI KEPERLUAN ROHANI ANDA

Semua orang memerlukan perlindungan namun bukan semua berkemampuan. Anda boleh membantu golongan fakir miskin dan keluarga miskin untuk dilindungi dengan rider Ihsan dari serendah RM 5 sebulan. Kesemua sumbangan yang dikumpul melalui rider Ihsan akan disumbangkan untuk menyokong inisiatif PruBSN Microtakaful Jariah.

Perjalanan Perlindungan Anda

Memenuhi keperluan perlindungan anda pada peringkat kehidupan yang berbeza dengan pilihan rider berikut:



BUJANG



**PASANGAN
YANG
BERKAHWIN**



KANAK-KANAK



**PASANGAN
YANG BERUSIA**

Cancer Protector

Menyediakan bayaran tambahan apabila disahkan kanser

Spouse Contributor

Perlindungan berterusan walaupun ketika kejadian yang tidak diingini berlaku kepada pasangan anda

EduAchieve Bonus

Memberikan ganjaran di atas pencapaian akademik anak-anak anda

Hospital Benefit

Elaun hospital diberi apabila anda dimasukkan ke wad

Accidental Protector Plus

Bayaran tambahan apabila berlakunya kematian atau TPD akibat kemalangan

Crisis Shield

Menyediakan bayaran tambahan apabila disahkan menghadapi mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi

Parent Term

Bayaran tambahan untuk memberi anak anda permulaan kepada kehidupan baru apabila anda telah tiada

Takaful Saver

Simpanan untuk masa depan

Contributor

Perlindungan berterusan walaupun berlakunya kejadian yang tidak diingini

Takaful Saver

Simpanan untuk masa depan

Takaful Saver

Simpanan untuk masa depan

Crisis Protector

Bayaran tambahan sekaligus apabila disahkan menghadapi mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi

Takaful Saver

Simpanan untuk masa depan

Hospital Benefit

Elaun hospital diberi apabila anda dimasukkan ke wad

Hospital Benefit

Elaun hospital diberi apabila anak anda dimasukkan ke wad

Ihsan

Membantu orang lain melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah

Ubahsuai Perlindungan Anda

Lebih banyak yang anda pilih, lebih baik perlindungan yang anda dapat.

JENIS	BUTIRAN
Penyakit Kritikal (CI)	Tenangkan fikiran anda dan fokuskan pada pemulihan apabila anda menerima satu jumlah sekaligus sekiranya anda didiagnosis dengan mana-mana daripada 43 penyakit kritikal yang dilindungi apabila anda mempunyai: • Crisis Protector • Crisis Shield Anda juga boleh menerima bayaran tambahan sekiranya disahkan dengan kanser peringkat awal apabila anda mempunyai: • Cancer Protector
Manfaat Pendapatan	Menerima bayaran tahunan (pendapatan) apabila anda disahkan dengan Penyakit Kritikal atau mengalami TPD (sebelum usia 70), sekiranya anda memilih untuk menambah: • Income Protector
Manfaat Hospital	Menerima manfaat tunai harian sekiranya dimasukkan ke wad. Satu unit Hospital Benefit membayar RM50 sehari (sehingga 100 hari dalam setahun sijil).
Perlindungan Kemalangan Tambahan	Accidental Protector Plus adalah satu rider yang membayar perlindungan atas kematian atau TPD akibat kemalangan, atau peratusan perlindungan atas ketidakupayaan akibat kemalangan sebelum tarikh ulang tahun sijil yang mana peserta berumur 70 tahun pada hari jadi akan datang. Sebagai tambahan, rider ini juga membayar manfaat <i>Khairat</i> kematian.
Hadiah untuk yang tersayang	Anak anda akan menerima satu jumlah sekaligus sekiranya kematian atau TPD berlaku ke atas anda (Ibu bapa orang yang dilindungi) sebelum umur 70 tahun. • Parent Term
Contributor	Jika berlakunya kematian (jika berkenaan), TPD atau Penyakit Kritikal terhadap anda atau keluarga anda (yang dilindungi), sumbangan anda akan tetap dibayar apabila anda mempunyai: • Contributor Protect • Contributor Saver • Contributor Spouse Protect • Contributor Spouse Saver • Contributor Parent Protect • Contributor Parent Saver Jika lebih daripada satu rider Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana <i>Tabarru'</i> bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, tetapi satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi rider Contributor terlibat akan diperuntukkan 100% ke dalam akaun sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.

Simpanan untuk masa depan	Wujudkan amalan menyimpan secara kerap dan nikmati potensi pulangan yang tinggi dengan mempunyai Takaful Saver . Sumbangan anda akan dilaburkan ke dalam dana pelaburan pilihan anda yang diluluskan Syariah. Untuk makluman lanjut, anda boleh merujuk www.prubsn.com.my
Menderma melalui Ihsan	Memberi peluang untuk anda membantu yang lain melalui inisiatif PruBSN Microtakaful Jariyah apabila anda menambah Ihsan di dalam pelan anda. PruBSN Microtakaful Jariyah adalah salah satu usaha PruBSN yang menyediakan perlindungan takaful kepada keluarga miskin tegar dan miskin.

Ciri-Ciri Produk

Maklumat asas yang anda perlu tahu.

JENIS	BUTIRAN
Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh, berikut merupakan bayaran daripada Dana <i>Tabarru'</i> dan/atau Akaun Khas Individu (ISA) i. Perlindungan Asas, atau ii. Nilai dalam ISA, yang mana lebih tinggi, ditambah nilai unit dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) pada harga seterusnya mengikut tarikh rasmi pemberitahuan.
Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (TPD)	Dalam situasi TPD sebelum tamat tempoh, Jumlah Risiko akan dibayar daripada Dana <i>Tabarru'</i> . Perlindungan Asas, bergantung pada Perlindungan Maksimum berjumlah RM8 juta seorang. Perlindungan Minimum adalah RM10,000. Perlindungan Maksimum untuk Kanak-kanak adalah RM750,000 manakala untuk Dewasa adalah tertakluk pada pengunderaan.
Bonus EduAchieve	PruBSN membayar Bonus apabila anak anda mendapat pencapaian akademik dengan syarat minima. Manfaat ini terbuka kepada kanak-kanak dengan umur kemasukan 1 hingga 18 tahun.
Umur Kemasukan	1 hingga 70 tahun pada hari jadi akan datang <i>Nota: Untuk umur tamat tempoh 70, umur kemasukan maksimum adalah 60 tahun pada hari jadi akan datang.</i>
Tempoh Sumbangan dan Perlindungan	Pilihan yang ada untuk tempoh manfaat adalah 5 tahun, 10 tahun atau 20 tahun atau umur tamat tempoh 70 atau 100 tahun.

Caj dan Potongan

Pembahagian sumbangan anda.

JENIS	BUTIRAN																				
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	Sebahagian daripada Caj <i>Wakalah</i> yang Kami gunakan untuk membayar komisen wakil, perbelanjaan berkaitan pengagihan dan perbelanjaan pengurusan yang ditanggung oleh PruBSN. Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan atas sumbangan pada Investment Unit Account (IUA) adalah 5% sepanjang tempoh bayaran sumbangan. <table><tr><td>Tahun Sijil</td><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5-6</td><td>7-10</td><td>>11</td></tr><tr><td>Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan</td><td>75%</td><td>60%</td><td>40%</td><td>35%</td><td>20%</td><td>5%</td><td>0</td></tr></table>	Tahun Sijil	1	2	3	4	5-6	7-10	>11	Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	75%	60%	40%	35%	20%	5%	0				
Tahun Sijil	1	2	3	4	5-6	7-10	>11														
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	75%	60%	40%	35%	20%	5%	0														
Caj Sijil <i>Wakalah</i>	Berikut adalah caj untuk menyediakan perkhidmatan kepada penyelenggaraan Sijil. <table><tr><td>Tahunan</td><td>Separa Tahunan</td><td>Suku Tahunan</td><td>Bulanan</td></tr><tr><td>RM60</td><td>RM30</td><td>RM15</td><td>RM5</td></tr></table>	Tahunan	Separa Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan	RM60	RM30	RM15	RM5												
Tahunan	Separa Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan																		
RM60	RM30	RM15	RM5																		
Potongan <i>Tabarru`</i>	Sejumlah caj akan dikenakan pada setiap bulan berdasarkan umur, jantina, status kesihatan, pekerjaan dan nilai perlindungan anda untuk tempoh perlindungan.																				
Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset (Hanya ada IUA sahaja)	Caj ini akan ditolak setiap hari dan telah diambilkira dalam pengiraan Harga Unit daripada nilai akaun pelaburan untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan: <table><tr><td>Takafulink Dana</td><td>Caj-caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Sukuk</td><td>0.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Dinasti</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Urus</td><td>1.30%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Dinamik</td><td>1.25%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Plus</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Global</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Aktif</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana Ekuiti Income</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>Takafulink Dana ESG Global</td><td>1.50%</td></tr></table>	Takafulink Dana	Caj-caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset	Takafulink Dana Sukuk	0.50%	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50%	Takafulink Dana Urus	1.30%	Takafulink Dana Dinamik	1.25%	Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50%	Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50%	Takafulink Dana Aktif	1.50%	Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50%	Takafulink Dana ESG Global	1.50%
Takafulink Dana	Caj-caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset																				
Takafulink Dana Sukuk	0.50%																				
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50%																				
Takafulink Dana Urus	1.30%																				
Takafulink Dana Dinamik	1.25%																				
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50%																				
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50%																				
Takafulink Dana Aktif	1.50%																				
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50%																				
Takafulink Dana ESG Global	1.50%																				
Caj Penambahan <i>Wakalah</i> (Hanya pada IUA sahaja)	RM25 : Caj ini akan dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan. Apabila transaksi elektronik dilaksanakan, hanya permintaan secara manual akan dikenakan caj sebanyak RM 25 untuk Penambahan Sumbangan Tunggal.																				

Caj *Wakalah* Penukaran Dana (Hanya untuk IUA)

Empat penukaran percuma dibenarkan setiap tahun dan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya. Sebarang penukaran dana seterusnya didalam tahun tersebut akan dikenakan caj penukaran pada 1% daripada amaun yang ditukar ganti (tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50).

Caj *Wakalah* Penukaran Dana akan dikecualikan sehingga urus niaga elektronik tersedia. Selepas itu, permintaan secara manual untuk penukaran tambahan akan dikenakan caj seperti yang dinyatakan di atas. Caj ini boleh disemak oleh PruBSN.

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk, Helaian Fakta Dana, buku pendidikan pengguna mengenai Takaful Keluarga, Takaful Berkaitan Pelaburan, Pelan Takaful Pendidikan Anak, dan Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan.
2. Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
3. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. **BSN Fitrah** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sumbangan selepas penolakan Caj *Wakalah* Pendahuluan, dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk *Caj-caj Wakalah* yang tersenarai di atas.
5. Selain itu, konsep *Mudarabah* terapan, membenarkan mana-mana keuntungan pelaburan yang datang daripada ISA untuk dikongsi di antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% keuntungan pelaburan, manakala PruBSN akan menerima bakinya.
6. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkenaan), jika ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin. Manfaat mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
7. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru'* termasuk keuntungan (jika ada). Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima baki selebihnya 50% sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. **BSN Fitrah** adalah produk takaful yang terikat pada prestasi aset-aset pendasar, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
9. **BSN Fitrah** tidak menyediakan manfaat Dana *Tabarru'* jika sijil telah diserahkan, ditamatkan, tamat tempoh atau matang.
10. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan apabila berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda, jika berkenaan, semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai ISA dan IUA kekal mampan sepanjang tempoh sijil.

11. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak memperoleh nilai sepenuhnya daripada amaun yang telah anda bayar kepada kami. Apabila anda menyerahkan sijil, semua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
12. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum waktunya. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun dalam ISA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar potongan *Tabarru`* dan caj-caj lain.
13. Sumbangan dan kadar potongan *Tabarru`* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh untuk menyemak semula sumbangan, kadar potongan *Tabarru`* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (30 hari untuk manfaat perubatan dan penyakit kritikal) kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar potongan *Tabarru`*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
14. Untuk **BSN Fitrah**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
15. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan membuat permintaan secara bertulis dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil, di mana kami akan memulangkan sumbangan yang belum diagihkan, sebarang penolakan *Tabarru`* dan caj perkhidmatan yang telah ditolak daripada sumbangan yang diterima daripada anda serta baki nilai-nilai unit di dalam akaun anda ditolak dengan sebarang caj perubatan yang telah ditanggung oleh PruBSN semasa membuat penilaian risiko di bawah sijil.

PENGECUALIAN

BSN Fitrah tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
 - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
 - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
 - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulant, atau komplikasinya.
 - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
 - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya (termasuk penerjunan lalabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
 - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi. Ini adalah diguna pakai dalam masa 12 bulan dari tarikh sijil menjadi berkuatkuasa. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami selepas 12 bulan akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
 - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi Sijil atau Lampiran yang diluluskan semasa Orang yang Dilindungi masih berada dalam kandungan atau sebelum Orang yang Dilindungi mencecah usia 14 tahun.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

BSN Fitrah adalah produk yang berasaskan Syariah.

Pelan ini ditaja jamin oleh:



Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188 E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Pelan ini diedarkan oleh:



Bank Simpanan Nasional

Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel: 1300 88 1900

www.bsn.com.my

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa percetakan. Diterbitkan Mac 2024.